

MCA reda selepas pertemuan dengan PM

Oleh MOHD ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Pergolakan antara dua kumpulan dalam MCA mula reda selepas pertemuan dengan Perdana Menteri semalam apabila kedua-dua pemimpin dari kumpulan itu menunjukkan kesediaan menghadiri satu mesyuarat bersama Jumaat ini.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek bersetuju untuk menghadiri mesyuarat parti mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan selepas Presidennya MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik mempelawanya untuk hadir.

Lim yang dihubungi Utusan hari ini berkata, beliau akan menghadiri mesyuarat itu di Hangar selepas Dr. Ling membuat pelawaan kepadanya untuk turut memberikan sokongan.

“Mesyuarat jawatankuasa peringkat MCA itu akan diadakan pada malam 4 haribulan ini dengan dipengerusikan oleh Presiden MCA sendiri.

“Memandangkan saya telah dipelawa oleh Dr. Ling, saya

berhasrat untuk memenuhi jemputan itu untuk sama-sama memberi sumbangan,” katanya.

Lim mengulas pertemuan berasingan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan dua kumpulan dalam MCA iaitu kumpulan ‘A’ yang diketuai oleh Dr. Ling dan kumpulan ‘B’ yang diketuai oleh beliau sendiri di Putrajaya, semalam.

Pertelingkahan

Pertemuan itu merupakan yang pertama dibuat oleh Perdana Menteri sejak kedua-dua pihak bertelingkah secara terbuka berikutan isu pembelian Nanyang Press Holdings Bhd. oleh syarikat pelaburan MCA pada pertengahan tahun lalu.

Krisis itu kembali memuncak bar-u-bar-u ini ekoran keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA menggantung jawatan Ong dan 46 anggota CC Pemuda parti itu.

Pergolakan berterusan itu membimbangkan banyak pihak terutamanya menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan tidak lama lagi dan BN pula akan diwakili oleh calon MCA.

Menurut Lim, Perdana Menteri dalam pertemuannya semalam menyatakan beliau mahu kedua-dua fraksi dalam MCA berdamai bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan.

Katanya, Dr. Mahathir menegaskan bahawa pertelingkahan dalaman MCA sedikit sebanyak akan menjejaskan kekuatan BN memandangkan parti itu merupakan komponen kedua terbesar selepas UMNO.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu isu itu diselesaikan secepat mungkin sebelum ia benar-benar menjejaskan perpaduan dalam BN, tambah beliau.

Lim bagaimanapun enggan memberikan sebarang ulasan ketika ditanya mengenai kedudukan kedua-dua fraksi selepas tamat pilihan raya kecil Indera Kayangan.

“Kita lihat sahaja apa yang berlaku nanti. Perkara itu kita tidak harus bincangkan sebelum kita selesaikan pilihan raya,” ujarnya.